

# Bank Pembangunan, MDEC bekerjasama memangkinkan pertumbuhan ekonomi digital Malaysia



28/10/2021 04:02 PM

KUALA LUMPUR, 28 Okt – Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah menjalin kerjasama strategik untuk menyokong pembangunan dan pendigitalan dalam perniagaan bagi menjadi pemangkin kepada pemulihan ekonomi negara.

Di bawah kerjasama itu, BPMB akan menyediakan pembiayaan untuk menyokong Program Digital Agtech MDEC, yang disasarkan kepada komuniti petani, terutamanya komuniti petani cili, dengan kumpulan Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPKKL) dijadikan sebagai titik permulaan.

Dalam satu kenyataan hari ini, BPMB berkata ia telah memperuntukkan RM10 juta untuk membantu petani cili mengamalkan sistem pertanian pintar, yang akan dilaksanakan menggunakan platform pembiayaan rakan setara microLEAP PLT.

Majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) telah diadakan baru-baru ini di AI & Data Week 2021 (AIDW 2021), anjuran MDEC dari 25-29 Oktober 2021.

BPMB diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Arshad Ismail, manakala MDEC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Mahadhir Aziz pada majlis menandatangani perjanjian maya itu.

“Berpandukan misi kami -- Penyampaian Berimpak dengan Hasil Strategik, kami akan terus memainkan peranan strategik untuk membantu perniagaan pulih dan menggiatkan semula serta mereformasikan ekonomi melalui pelbagai produk dan penyelesaian pembiayaan kami dengan penekanan pada pendigitalan, keterangkuman dan kelestarian.

“Kami gembira dapat membentuk perkongsian strategik ini dengan MDEC kerana kerjasama ini merupakan bukti kukuh kepada komitmen bank sebagai penyedia kewangan pembangunan mampan yang terkemuka di Malaysia.

“Inisiatif ini juga turut melengkapkan MDEC, yang telah berada di barisan hadapan dalam memperjuang dan mempercepatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pertumbuhan ekonomi digital di Malaysia. Saya yakin ini akan membuahkan hasil yang positif,” kata Arshad.

Sementara itu, Mahadhir berkata: “MDEC komited ke arah memacu pendigitalan perniagaan Malaysia yang sejajar dengan matlamat yang ditetapkan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

-- BERNAMA